

MAFI LANCAR LAMAN MIKRO PERTANIAN LESTARI EXPO DUBAI 2020

KUALA LUMPUR, 10 November 2021 – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia (MAFI) melancarkan laman mikro baharu, <https://www.mafi-events.com>, hari ini sempena minggu Pertanian Lestari yang akan diadakan di Pavilion Malaysia Ekspo 2020 Dubai mulai 20 hingga 26 Februari 2022.

Laman mikro baharu ini menampilkan pengemaskinian, berita, program, pempamer, syarikat dan perkhidmatan yang berkaitan dengan Pertanian Lestari pada minggu ke-21 ekspo yang akan dihoskan oleh MAFI.

“Pelbagai peluang menarik di dalam minggu Pertanian Lestari yang ingin kami kongsi dengan masyarakat. Laman mikro ini dibangunkan bertujuan memudahkan pengguna untuk melayari maklumat yang relevan dan sumber yang luas mengenai pertanian lestari di Malaysia, memandangkan tidak semua dapat menghadiri ekspo ini secara fizikal. Tambahan pula, laman mikro merupakan medium penghubung bagi penglibatan perniagaan untuk membolehkan pelawat berhubung dengan syarikat dan agensi yang terlibat dalam minggu Pertanian Lestari,” kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee semasa majlis pelancaran laman mikro hari ini.

“Dengan laman mikro ini, kami berhasrat untuk menyebarkan luas, mendidik dan berkomunikasi dengan orang ramai di seluruh dunia bagi terus memacu pertanian lestari di peringkat antarabangsa. Kami menjangkakan penglibatan yang berterusan dan perkongsian strategik sepanjang penglibatan kami di Ekspo 2020 Dubai dengan adanya laman mikro ini,” tambah beliau.

Pengguna laman mikro boleh mengakses maklumat setiap syarikat, risalah produk dan video bagi mengetahui lebih lanjut tentang penglibatan peserta dan syarikat-syarikat yang terlibat dalam minggu Pertanian Lestari di Ekspo 2020 Dubai. Laman mikro ini juga memberikan tumpuan kepada bidang pertanian kelestarian yang akan diketengahkan semasa ekspo tersebut, termasuklah kesejahteraan biodiversiti, pertanian dan penyelesaian bandar pintar, kekayaan daripada sisa dan sebagainya. Pengguna juga boleh melibatkan diri dalam pepadanan perniagaan dan mengikuti program yang dianjurkan oleh MAFI sepanjang minggu ke-21 ini yang merangkumi demonstrasi produk dan masakan, ceramah, dan program jaringan. Laman mikro ini akan sentiasa dikemaskini dengan informasi terkini termasuk berita, acara dan program yang berkaitan dengan MAFI.

-TAMAT-

Mengenai Bioeconomy Corporation

Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd (Bioeconomy Corporation) merupakan agensi pembangunan ekonomi utama bagi industri bioteknologi dan berasaskan bio di Malaysia. Ditubuhkan pada tahun 2005, Bioeconomy Corporation berada di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian & Industri Makanan (MAFI) sejak November 2018 dan merupakan syarikat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Bioeconomy Corporation memberi sokongan, kemudahan dan khidmat nasihat dalam bidang perniagaan, pelaburan, R&D, pembangunan modal insan, infrastruktur kewangan, rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan, pembangunan strategik, dan sokongan kerajaan. Melalui perkhidmatan ini, Bioeconomy Corporation membangunkan komuniti perniagaan, akademik, dan saintifik yang memacu industri bioteknologi dan berasaskan bio di Malaysia.

Melalui Bioeconomy Corporation, Kerajaan menganugerahkan Status BioNexus kepada syarikat antarabangsa dan Malaysia terpilih yang menjalankan aktiviti bioteknologi, berasaskan bio atau sains hayat. Dengan status ini, syarikat BioNexus menerima insentif fiskal, fasilitasi dan jaminan lain yang diuruskan oleh Bioeconomy Corporation bagi membantu pembangunan syarikat.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.bioeconomycorporation.my.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bioeconomy Corporation

Nur Akmar Yusoff

Eksekutif,

Komunikasi Strategik

Malaysian Bioeconomy Development Corporation

Tel: +6012 690 6108

Emel: akmar.yusoff@bioeconomycorporation.my